



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### PASUKAN UNIT BERKUDA PPJ KOMBINASI TARIKAN PELANCONG DAN KESELAMATAN AWAM

Penggunaan kuda dalam aktiviti pengawasan dan rondaan bukanlah suatu perkara yang asing bagi sebuah bandar. Kehadiran pasukan pemantau berkuda mencerminkan pemantapan strategi keselamatan bandar, di samping menjadi pesona tarikan pelancong. Dengan kekuatan sebanyak 24 ekor kuda, pasukan Unit Berkuda PPj menjadikan sesi rondaan berkala di tempat tumpuan pelancong dan taman-taman awam sebagai antara aktiviti yang bukan sahaja menarik perhatian, malah menjamin keselamatan.

Sesi rondaan berkuda di lokasi tumpuan pelancong seperti Persiaran Perdana dibuat setiap hari kecuali pada hari Rabu bagi memberi ruang kepada anggota untuk sesi latihan persiapan acara di Arena Latihan Unit Berkuda, Presint 15. Manakala, sesi rondaan di kawasan pesisir tasik dan taman-taman awam dibuat pada setiap hujung minggu. Kesemua anggota Unit Berkuda PPj telah menjalani Kursus *National Orientation Course In Basic Horse Care And Management ('O' - Level)* yang dikendalikan oleh Majlis Ekuin Malaysia selaku badan agensi yang diiktiraf oleh kerajaan untuk mengendalikan kursus dan latihan berkaitan ekuin.

Antara kelebihan konsep penguatkuasaan dengan menunggang kuda adalah pasukan penguatkuasaan lebih mudah dilihat dan menarik perhatian, dengan itu ianya secara tidak langsung menghalang aktiviti jenayah atau aktiviti yang tidak diingini. Mereka juga boleh sampai ke kawasan yang sukar dicapai oleh kenderaan bermotor, seperti laluan pejalan kaki atau kawasan terhalang. Selain itu, penggunaan kuda juga memberi manfaat dari segi kelestarian dan alam sekitar kerana ia tidak memerlukan bahan api fosil dan boleh meminimumkan pencemaran bunyi.

Malah, kehadiran Unit Berkuda PPj sering menarik perhatian pelancong yang datang dari dalam dan luar negara untuk bergambar bersama dan bertanya tentang info lokasi menarik di sekitar Putrajaya.

Selain dari itu, antara program dan aktiviti lain Unit Berkuda PPj adalah Program Hippo Therapy yang merupakan program khidmat masyarakat untuk warga Putrajaya terutama Kanak/Remaja OKU dengan kerjasama komuniti, sekolah dan NGO serta kelas menunggang kuda untuk Pekhidmat PPj dan Penjawat Awam.

  
**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 27 Jun 2023

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564